

Soalan Lazim TAIBVX mPIN (FAQ)

1. Apakah TAIBVX mPIN (Mobile PIN)?

TAIBVX mPIN ialah token keselamatan maya di dalam aplikasi mudah alih TAIBVX (TAIBVX Mobile App) khusus untuk Pelanggan individu sahaja, yang membolehkan awda mengesahkan transaksi awda melalui peranti mudah alih awda.

TAIBVX mPIN hanya berfungsi pada peranti mudah alih awda. Transaksi yang dibuat melalui TAIBVX Web dan TAIBVX Corporate masih akan menggunakan Kata Laluan Sekali (OTP) yang diterima melalui SMS/Emel.

2. Apakah kelebihan menggunakan TAIBVX mPIN?

Lancar (*Seamless*): Awda tidak lagi perlu memasukkan SMS/Email OTP untuk mengesahkan transaksi yang dibuat melalui TAIBVX Mobile App.

Selamat (*Secure*): TAIBVX mPIN lebih selamat berbanding OTP kerana ia beroperasi terus pada peranti awda menggunakan ciri keselamatan yang terbina. Sebaliknya, OTP lebih terdedah kepada risiko seperti pemintasan, penipuan *SIM swap*, atau kelemahan rangkaian.

Pengesahan transaksi serta-merta: Transaksi disahkan serta-merta dengan mengurangkan kebergantungan kepada OTP, yang yang berpotensi mengalami kelewatan penerimaan.

Lebih ringkas: Pengesahan transaksi menggunakan satu kod khas 6 digit sahaja.

3. Mengapa saya perlu menetapkan TAIBVX mPIN untuk TAIBVX Mobile App?

TAIBVX mPIN memberikan lapisan keselamatan tambahan untuk mengesahkan transaksi dalam perbankan mudah alih awda.

4. Adakah perlu untuk mendaftar TAIBVX mPIN?

Ya. Awda perlu mendaftar TAIBVX mPIN untuk peranti mudah alih awda. Semua SMS OTP bagi Aplikasi Mudah Alih TAIBVX telah dihentikan mulai **24 Februari 2026**. Sila daftar TAIBVX mPIN untuk melakukan aktiviti perbankan mudah alih yang memerlukan pengesahan transaksi.

Transaksi ini merangkumi:

- **Pemindahan wang (*transfers*):** dalam Perbadanan TAIB, bank tempatan, pemindahan melalui tarus dan pengiriman wang antarabangsa.
- **Pembayaran (*Payments*):** Tambah Nilai (*Topups*), pembayaran bil and tarusQR Scan To Pay.

5. Bagaimanakah cara untuk mendaftar TAIBVX mPIN?

Langkah 1: Kemas kini aplikasi TAIBVX kepada **Versi 7.7.24** bagi Android dan iOS.

Langkah 2: Log masuk ke TAIBVX Mobile App dan halaman Pendaftaran mPIN akan tersedia.

Langkah 3: Isikan mPIN 6 digit di ruangan 'Set mPIN'.

Langkah 4: Isikan semula mPIN 6 digit yang sama di ruangan 'Confirm mPIN' dan tekan 'Set mPIN'.

Langkah 5: Isikan OTP yang diterima di ruangan 'Verification Code' dan tekan 'Submit' bagi melengkapkan pendaftaran.

Peraturan penetapan TAIBVX mPIN:

- mPIN mesti mengandungi 6 digit.
- Hanya nombor dibenarkan (tiada huruf atau simbol).
- Aksara berulang **TIDAK** dibenarkan (e.g. 113545, 771908).
- Urutan nombor **TIDAK** dibenarkan (e.g. 124946, 329708).

6. Apa yang berlaku jika saya tidak mendaftar TAIBVX mPIN?

Tanpa TAIBVX mPIN, awda tidak akan dapat melakukan sebarang pemindahan wang atau pembayaran melalui TAIBVX Mobile App.

7. Saya lebih suka menerima OTP melalui SMS/Emel daripada mendaftar TAIBVX mPIN. Apa yang boleh saya lakukan?

Mulai **24 Februari 2026**, OTP melalui SMS/Emel tidak lagi dihantar untuk transaksi Pemindahan wang atau Pembayaran yang dibuat melalui TAIBVX Mobile App. Oleh itu, awda perlu mendaftar TAIBVX mPIN untuk terus menggunakan perbankan mudah alih seperti biasa.

Sebagai alternatif, awda masih boleh mengakses TAIBVX Web, yang masih menggunakan OTP SMS/Emel bagi pengesahan transaksi.

8. Adakah saya akan menerima sebarang notifikasi selepas berjaya mendaftar?

Ya. Awda akan menerima notifikasi pop-up selepas pendaftaran awda berjaya.

9. Bagaimanakah cara untuk menukar TAIBVX mPIN saya?

Ikuti langkah berikut untuk menukar mPIN awda:

Langkah 1: Log masuk ke TAIBVX Mobile App.

Langkah 2: Masuk ke menu dan pilih **Account Settings > My Preference > Manage mPIN**

Langkah 3: Isikan mPIN baharu 6 digit di ruangan 'Set mPIN'.

Langkah 4: Isikan semula mPIN yang sama di ruangan 'Confirm mPIN' dan tekan 'Reset mPIN'.

Langkah 5: Masukkan OTP yang diterima di ruangan 'Verification Code' dan tekan 'Submit' untuk melengkapkan penetapan semula mPIN.

10. Saya telah memasukkan TAIBVX mPIN yang salah beberapa kali dan kini tidak dapat membuat transaksi. Apa yang perlu saya lakukan?

Percubaan TAIBVX mPIN dibenarkan sehingga lima (5) percubaan sahaja. Selepas 5 percubaan gagal, transaksi tidak akan diproses. Sila buat transaksi yang baharu dengan menggunakan mPIN yang betul untuk memastikan transaksi berjaya diproses. Sekiranya awda terlupa TAIBVX mPIN awda, awda boleh menukar semula mengikut langkah-langkah di Seksyen 9 dalam Soalan Lazim ini.

11. Saya tidak pasti sama ada TAIBVX mPIN boleh digunakan pada peranti mudah alih saya. Bagaimana saya boleh pastikan perkara ini?

Untuk memastikan sama ada peranti mudah alih awda boleh menggunakan TAIBVX mPIN, sila pastikan perkara berikut:

1. Sistem operasi telefon awda:

- **iPhone:** Mestilah iPhone 6 atau lebih baharu yang menjalankan **iOS 14 atau yang lebih baharu.**
- **Android:** Mestilah menjalankan **Android 9.0 atau yang lebih baharu.**

2. Versi aplikasi TAIBVX:

- Pastikan aplikasi TAIBVX awda adalah **versi 7.7.24** atau yang lebih baharu.



12. Saya tidak mempunyai peranti mudah alih. Bolehkah saya masih mengakses Perbankan Digital TAIBVX?

Ya, awda masih boleh mengakses perkhidmatan tersebut melalui TAIBVX Web sebagai alternatif.

13. Berapa banyak peranti yang boleh saya daftarkan untuk TAIBVX mPIN?

Untuk keselamatan awda, awda hanya dibenarkan menetapkan TAIBVX mPIN pada satu peranti mudah alih sahaja.

Jika awda mendaftarkan TAIBVX mPIN pada peranti baharu, mPIN pada peranti sebelumnya akan dinyahaktifkan (*disabled*) secara automatik.

14. Saya sudah mendaftar TAIBVX mPIN pada peranti mudah alih saya. Bolehkah saya masih log masuk menggunakan peranti kedua untuk melihat butiran akaun dan melakukan transaksi tanpa mendaftar TAIBVX mPIN?

Mulai **24 Februari 2026**, awda hanya boleh menggunakan **satu** peranti yang mempunyai TAIBVX mPIN berdaftar untuk log masuk ke TAIBVX Mobile App.

Jika awda menukar kepada peranti lain, awda perlu mendaftar semula mPIN 6 digit yang baharu, dan mPIN pada peranti lama akan dinyahaktifkan secara automatik.

15. Bagaimana jika saya kehilangan peranti mudah alih saya?

Jika awda kehilangan peranti mudah alih awda, sila muat turun TAIBVX Mobile App pada peranti baharu dan daftarkan semula mPIN TAIBVX awda. Sebaik sahaja pendaftaran baharu selesai, mPIN pada peranti yang hilang akan dinyahaktifkan serta-merta demi keselamatan awda.

Untuk bantuan segera, sila hubungi Pusat Panggilan 24 jam kami di 2220299 atau, sebagai alternatif, kunjungi mana-mana cawangan Perbadanan TAIB.

16. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai TAIBVX mPIN?

Awda boleh melayari laman sesawang Perbadanan TAIB:

<https://www.taib.com.bn/taib-web/services/digitalbanking>

<https://www.taib.com.bn/taib-web/taibvxsupport>

17. Tip untuk TAIBVX mPIN yang selamat

- Elakkan nombor yang mudah dijangka seperti nombor IC, pasport, tarikh lahir, tarikh ulang tahun, nombor telefon atau digit berulang (contohnya: 112233)
- Jangan kongsi TAIBVX mPIN awda dengan sesiapa.
- Tukar mPIN awda jika awda mengesyaki sebarang penyalahgunaan.